

NORMA ATAU NORMAL BAHARU?

FRASA norma baharu adalah antara frasa yang sering kali disebut oleh pemimpin negara, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan rakyat Malaysia sejak negara berusaha untuk menangani penularan wabak COVID-19.



SERING kali juga ayat yang mengandungi frasa ini dipaparkan dalam bentuk rerepay di kaca televisyen dan bahan bacaan sama ada dalam akhbar, majalah ataupun pelbagai media sosial. Tiada yang asing kerana perkataan itu telah wujud lama dalam bahasa Melayu dan biasa digunakan oleh penutur bahasa Melayu.

Umumnya, pengguna bahasa mudah memahami maksud norma baharu apabila dipadankan dengan bahasa Inggeris, iaitu *new norm*. Namun begitu, penggunaan kedua-

dua frasa itu yang kadangkala wujud dalam beberapa versi ejaan telah menimbulkan keraguan kepada pengguna bahasa tentang frasa yang tepat dari segi maksud dan ayat yang digunakan. Kedapatan di media, tertera frasa norma baharu dan normal baharu untuk merujuk maksud yang sama.

Frasa norma baharu dan normal baharu pula, kedudukannya dalam ayat adalah seperti contoh yang berikut:

1. Kerajaan telah menetapkan bahawa hanya pada hari raya pertama sahaja aktiviti menziarahi sanak-saudara dibenarkan

dengan jumlah pengunjung tidak melebihi seramai 20 orang bergantung pada saiz rumah yang dikunjungi. Penetapan ini merupakan satu daripada norma baharu yang perlu dipatuhi oleh rakyat Malaysia semasa sambutan Aidilfitri tahun ini dalam usaha negara mengekang penularan wabak COVID-19.

2. Kerajaan telah menetapkan bahawa hanya pada hari raya pertama sahaja aktiviti menziarahi sanak-saudara dibenarkan dengan jumlah pengunjung tidak melebihi seramai 20 orang bergantung pada saiz rumah yang dikunjungi. Penetapan ini merupakan satu daripada normal baharu

yang perlu dipatuhi oleh rakyat Malaysia semasa sambutan Aidilfitri tahun ini dalam usaha negara mengekang penularan wabak COVID-19.

Perbezaan antara ayat 1 dan ayat 2 ialah frasa norma baharu dan normal baharu. *Kamus Dewan* Edisi Keempat (KDE4) memerikan makna norma sebagai ukuran untuk menentukan sesuatu. Norma juga didefinisikan sebagai peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Normal pula didefinisikan sebagai menurut aturan, keadaan, atau pola yang lazim. Normal juga definisikan sebagai biasa (keadaan biasa) dan garisan (pancaran cahaya dan lain-lain) yang bertemu lurus dengan sesuatu permukaan.

Dalam ayat tanpa perkataan baharu, kehadiran perkataan norma dan normal adalah seperti contoh ayat berikut:

3. Setiap masyarakat mempunyai norma kehidupan yang tersendiri sama ada secara bertulis ataupun secara praktik yang diwarisi daripada generasi sebelumnya sebagai satu daripada panduan hidup sosial yang perlu dipatuhi oleh anggota masyarakat tersebut.

4. Semua negara di dunia memerlukan jangka masa yang agak panjang untuk mewujudkan suasana kehidupan yang normal seperti sebelumnya akibat penularan wabak COVID-19.

Berdasarkan definisi makna norma dan normal dalam KDE4 serta contoh ayat 3 dan ayat 4, frasa norma baharu dilihat lebih serasi dan sesuai dengan situasi semasa, iaitu suasana kehidupan yang dilalui oleh

Norma juga didefinisikan sebagai peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat.

rakyat Malaysia akibat penularan wabak COVID-19. Namun begitu, frasa normal baharu tetap digunakan oleh pengguna bahasa berdasarkan padanan langsung frasa itu dengan frasa dalam bahasa Inggeris, iaitu *new normal*.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai agensi kerajaan yang berwibawa dalam hal-hal kebahasaan telah mengeluarkan siaran istilah semasa berkaitan dengan padanan perkataan dalam bahasa Melayu yang sesuai dengan *new norm* dan *new normal* untuk mengelak sebarang kekeliruan. Menurut siaran istilah semasa DBP, *new norm* (norma baharu) ialah peraturan baharu yang diterima atau diguna pakai oleh masyarakat disebabkan berlakunya sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit, manakala *new normal* (kebiasaan baharu) ialah tindakan atau tingkah laku yang

baharu atau tidak seperti kebiasaan untuk dijadikan standard atau biasa disebabkan oleh sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit, dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu.

Berdasarkan siaran istilah DBP, *new normal* tidak dipadankan dengan normal baharu. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa frasa normal baharu tidak wujud. Frasa yang lebih sesuai ialah kebiasaan baharu. Frasa ini digunakan dalam bidang sosiologi manakala norma baharu dalam bidang sosiologi/undang-undang. Hal ini bermakna dalam situasi yang berkaitan dengan semua aktiviti orang ramai semasa PKP, PKPB dan usaha menangani wabak COVID-19, ada norma baharu yang perlu dipatuhi dan ada kebiasaan baharu yang mesti diamalkan. Malah, dalam keadaan tertentu norma baharu boleh menjadi kebiasaan baharu dan begitu juga sebaliknya. Dalam binaan ayat, kehadiran norma baharu dan kebiasaan baharu adalah seperti ayat berikut:

5. Dalam usaha untuk menyekat penularan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati orang ramai supaya mematuhi norma baharu dan mempraktikkan kebiasaan baharu semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri serta terus mematuhi dan mengamalkannya selepas musim perayaan.

Kesimpulannya, frasa penjarakan sosial, norma baharu, dan kebiasaan baharu adalah antara frasa yang saling berkaitan apabila memperkatakan wabak COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan terbaharu Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Untuk suatu jangka masa tertentu, penjarakan sosial akan menjadi norma baharu rakyat Malaysia dan pelaksanaannya memerlukan beberapa kebiasaan baharu sebelum negara kembali normal seperti sebelum kedatangan COVID-19. Dari sudut bahasa, ketepatan penggunaan frasa ini dalam ayat akan memantapkan sistem penyampaian sesuatu maklumat di samping melambangkan keindahan bahasa Melayu itu sendiri yang amat fleksibel dengan sebarang situasi. **PB**

